TEMA 10

# Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

## Sistem Bahasa (Kertas 1)

### Bahagian A

*Ayat-ayat di bawah* **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**.
*Pilih jawapan yang* **paling sesuai.** ARAS R

1 Kakak saya sangat gembira (A) kerana riba komputer (B) miliknya telah dibaiki (C). Tiada kesalahan (D)

2 Ibubapa (A) perlu mengawal (B) anak-anak yang (C) leka bermain peranti elektronik. Tiada kesalahan (D)

3 Penggunaan (A) komputer begitu meluas-luas (B) dewasa ini dan digunakan dalam berbagai-bagai (C) bidang. Tiada kesalahan (D)

4 Kerjaya sebagai (A) seorang juruukur (B) memerlukan pengetahuan dan latihan yang khusus serta diiktiraf (C). Tiada kesalahan (D)

5 Skim insurans perubatan (A) mampu meringan (B) beban mereka yang menghidapi (C) penyakit. Tiada kesalahan (D)

6 Siti Aminah mendapatkan perkhidmatan (A) di salun dandanan rambut bagi melurus (B) rambutnya yang (C) keriting. Tiada kesalahan (D)

### Bahagian B

*Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan* **Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)** *atau* **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).** ARAS S

1 Aishah anak sulung Cikgu Fatimah.

Pola Ayat: ____________________

2 Murid itu daripada Kelab Reka Cipta.

Pola Ayat: ____________________

3 Pelumba basikal itu amat gigih berlatih.

Pola Ayat: ____________________

4 Guru yang sedang berkursus di Kuala Lumpur ialah Cikgu Zakaria.

Pola Ayat: ____________________

5 Rombongan yang akan menyertai lawatan ke Pusat Sains telah bertolak setengah jam lalu.

Pola Ayat: ____________________



LIVEWORKSHEETS